

Eksport industri kayu RM22.65b

BH 5/6/08

INDUSTRI berasaskan kayu tempatan menyaksikan pencapaian memberangsangkan dengan mencatatkan eksport berjumlah RM22.65 bilion tahun lalu atau pertumbuhan 60 peratus berbanding 10 tahun lalu, kata Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Kohilan Pillay.

"Produk perabot saja menyumbang RM6 bilion yang dieksport ke 160 buah negara di seluruh dunia.

"Destinasi eksport terbesar adalah Amerika Syarikat dengan nilai eksport berjumlah RM2 bilion atau 30 peratus dari keseluruhan nilai eksport perabot berasaskan kayu," katanya.

Beliau berkata kemampuan mencatatkan prestasi eksport yang tinggi itu membantu menarik minat pelabur termasuk pelabur baru dalam sektor perkayuan negara dengan jumlah pelaburan yang diluluskan tahun lalu sebanyak RM933.4 juta, mewakili 23.1 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan dalam industri berasaskan komoditi.